



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (84)
Tarikh : 7 Disember 2021

SIARAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA PERINGKAT MALAYSIA 2021

PUTRAJAYA, 7 DISEMBER 2021 – YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada hari ini telah merasmikan **Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2021 di Dewan Kristal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya.**

Bertemakan *Accelerating Urban Action for A Carbon-Free World*, tema Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2021 pada tahun ini dilihat amat bertepatan dengan inisiatif global yang memfokuskan kepada betapa kritikalnya langkah-langkah mitigasi dan adaptasi dilaksanakan dalam menangani impak perubahan iklim atau *climate change*.

Kawasan bandar atau urban telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama gas rumah hijau (*Green House Gases* - GHG). **Di Semenanjung Malaysia, 95% daripada pelepasan gas rumah hijau adalah daripada aktiviti di kawasan bandar melalui sektor tenaga, pengangkutan, industri dan pelupusan sisa.** Proses migrasi dan urbanisasi memberi impak terhadap persekitaran tempat tinggal seperti peningkatan penggunaan tenaga, penghasilan sisa yang tinggi, pencemaran udara dan pencemaran sumber air.

Berdasarkan kajian, peningkatan urbanisasi sebanyak 1% menyumbang kepada peratusan yang sama dalam kenaikan pelepasan gas rumah hijau. Ini bermakna, sekiranya kadar urbanisasi Malaysia meningkat daripada 78% pada tahun 2020 kepada 84% pada tahun 2040, kawasan bandar di Malaysia bakal menyumbang kepada 6% peningkatan pelepasan gas rumah hijau mengatasi sektor-sektor lain

seperti pertanian atau industri. Justeru, langkah intervensi bagi mengurangkan pelepasan karbon perlu diambil dari sekarang.

Kerajaan menyasarkan **pengurangan intensiti pelepasan GHG rentas ekonomi sebanyak 45% menjelang tahun 2030. Sasaran ini adalah amat tinggi, memandangkan ianya adalah peningkatan sebanyak 10% daripada sasaran pengurangan sebelum ini dan merangkumi 7 jenis GHG.**

Bagi mencapai sasaran ini, pelbagai usaha di peringkat makro dan mikro perlu digemblengkan termasuklah **melaksanakan transformasi bandar/urban ke arah pembangunan rendah karbon serta mencapai sasaran sifar sisa yang dihantar ke tempat pelupusan sampah melalui konsep sisa kepada tenaga dan kadar kitar semula kepada 40% pada tahun 2025.**

Di peringkat global pula, **Sustainable Development Goals (SDG)** dan **New Urban Agenda (NUA)** telah digubal untuk mencapai sasaran kemampanan serta menangani impak perubahan iklim. Inisiatif ini bergerak sejajar dengan setiap negara ahli termasuk Malaysia, mempunyai sasaran untuk dicapai bagi memastikan kehidupan manusia serta kemampanan persekitaran adalah dilindungi dan seimbang. **Malaysia kini berjaya menggapai sasaran 67% bandar-bandar yang dikategorikan sebagai bandar mampan.**

Inisiatif memacu pembangunan bandar rendah karbon atau bebas karbon ini adalah sesuatu yang dinamik dan berterusan serta memerlukan komitmen dari semua pihak. Pelbagai usaha seperti mengasingkan sisa untuk dikitar semula, mengurangkan pembaziran tenaga menerusi penggunaan peralatan cekap tenaga, menggunakan pengangkutan awam, kenderaan hibrid/elektrik, berkongsi kenderaan atau berbasikal perlu dipergiatkan. Aktiviti penghijauan bumi seperti penanaman pokok dan kebun komuniti juga dilihat dapat membantu alam untuk menyerap lebih banyak karbon serta menjadikan udara persekitaran lebih bersih.

Kita juga perlu berani dalam melaksanakan inisiatif baharu dan kompleks seperti integrasi teknologi rendah karbon dalam pembinaan infrasktrutur dan bangunan, penggunaan sumber tenaga alternatif seperti solar, hidro dan angin serta

mengurangkan kebergantungan kepada industri berasaskan tenaga iaitu gas, minyak dan arang batu. Selain itu, industri yang masih menggunakan teknologi yang tidak efisien dan melepaskan jumlah karbon yang tinggi ke udara juga perlu menceburi teknologi baharu yang lebih mesra alam.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh KPKT sebagai pengisian sempena Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2021 iaitu seperti pertandingan Photojournalism 2021, Pertandingan Menulis Artikel Bahasa Inggeris, Pertandingan Bercerita Kanak-kanak, Pertandingan Pidato Habitat 2021 dan juga penganugerahan kepada organisasi kerajaan / swasta dan badan bukan kerajaan yang telah menjalankan inisiatif bebas karbon.

KPKT terus memfokuskan agenda “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni melalui penerapan kesedaran secara berterusan tentang kepentingan dalam menangani perubahan iklim, terutamanya melalui pelaksanaan inisiatif rendah karbon atau pengurangan pelepasan GHG bagi memastikan bumi serta keindahan alam semula jadi kita akan kekal dinikmati oleh generasi seterusnya.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

